



SIARAN MEDIA

PENGANJURAN MINGGU SAINS NEGARA 2024 UNTUK KEGUNAAN AMAN NUKLEAR

SABAH, 10 JUN 2024 – Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) telah mengadakan program Atom Malaysia Terjah IPT di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena penganjuran Minggu Sains Negara (MSN) 2024 anjuran Atom Malaysia dan UMS. Selain itu, tiga (3) lagi Institut Pendidikan Tinggi yang terlibat adalah Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Penganjuran MSN 2024 menyasarkan 600,000 pelajar bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam usaha membina bakat berkemahiran tinggi menjelang 2030. Ianya selaras dengan agenda Malaysia Madani agar bidang STEM diberikan tumpuan. MSN 2024 yang bertemakan "Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi". Program ini telah dilancarkan pada April 2024 dan akan berlangsung sehingga Oktober 2024 secara hibrid melibatkan penganjuran secara karnival dan juga aktiviti dalam talian diseluruh negara.

Tujuh (7) bidang fokus utama iaitu Kesihatan Planet, Kimia dan Bioteknologi, Kegunaan Aman Nuklear, Inovasi Sosial, Kejuruteraan dan Kecerdasan Buatan, Nanoteknologi serta Angkasa. Sempena MSN edisi Jun 2024, Atom Malaysia menumpukan bidang fokus terhadap "Kegunaan Aman Nuklear".

Atom Malaysia Terjah IPT di UMS ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Md Sazali bin Md Salleh, Ketua Pustakawan UMS dan program bermula pada 10 Jun 2024 sehingga 13 Jun 2024. Pelbagai agensi yang turut sama terlibat dalam menjayakan program ini. Antaranya ialah Jabatan Laut Malaysia, Ko- Nelayan, U- Science, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan *World Wildlife*

Fund. Antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah 3S STEM Speaker Series, Chit Chat bersama Atom Malaysia, pameran berkenaan kegunaan aman nuklear, aktiviti pengesanan sinaran di persekitaran, Program *Climate Change Awareness Campaign*, STEM Olympiad bersama Dr Nicholas Pang dan program bersama Institut Penyelidikan Marin Borneo.

Layari laman sesawang rasmi MSN 2024 di www.mingqusainsnegara.com dan media sosial rasmi Atom Malaysia di Facebook, Instagram, X (Twitter), LinkedIn dan Tiktok untuk maklumat lanjut.

TAMAT

Dikeluarkan oleh

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN TENAGA ATOM (ATOM MALAYSIA)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Pertanyaan Media:

Nor Rokiah binti Alias 019-325 4040

Nor Faezah binti Rabani 019-7299096